



Headline: Dua wanita kerugian berjumlah RM17,000 Language: Malay
ditipu 'Macau Scam'

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Section: Tempatan

Date: 7 March 2022

Page: 2

Dua wanita kerugian berjumlah RM17,000 ditipu 'Macau Scam'

SIBU: Dua wanita di sini masing-masing mengalami kerugian RM7,000 dan RM10,000 gara-gara terperdaya dengan sindiket 'Macau Scam' pada Rabu lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Sibu Superintenden Dr Collin Babat berkata, kedua-dua mangsa berusia 21 dan 26 tahun.

"Kes pertama melibatkan mangsa berusia 21 tahun yang merupakan seorang penuntut di sebuah pusat pengajian tempatan.

"Mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang pemanggil memperkenalkan diri sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan mendakwa kad pengenalan pengadu telah didaftarkan di bawah sebuah syarikat di bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang jam 1.30 petang, 9 Mac lalu.

"Pengadu dihubungi seseorang mendakwa diri sebagai pegawai polis dari

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang kononnya untuk memaklumkan pengadu terlibat dengan pengubahan wang haram dan penjualan dadah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Collin berkata, mangsa yang ketakutan kemudian mengikut arahan suspek termasuk menyerahkan butiran akaun bank miliknya dan diminta memindahkan semua wang simpanannya sejumlah RM7,830 ke dalam akaun diberikan dengan dijanjikan pengembalian wang itu dalam masa 45 minit.

Menurutnya, pengadu cuba menghubungi suspek mengetahui status wangnya namun panggilan pengadu disekat.

Dalam kes kedua, seorang wanita berusia 26 tahun yang merupakan pekerja kilang menerima panggilan daripada seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai pegawai Telekom Malaysia.



DR COLLIN

Lelaki itu memberitahu mangsa satu talian WiFi didaftarkan atas nama pengadu di Seremban, Negeri Sembilan kononnya terlibat dalam jenayah siber.

"Pengadu menafikan dakwaan itu namun panggilan itu disambung kepada seorang individu kononnya adalah pegawai polis dari Ibu Pejabat

Polis Daerah Seremban.

"Mangsa dimaklumkan oleh pegawai polis itu terlibat dengan seorang penipu dikenali 'Chao Tian Fu' dikatakan memasukkan wang haram ke dalam akaun pengadu," jelasnya.

Tersentak dengan dakwaan itu, Collin berkata pengadu mula panik dan mengikut sahaja arahan suspek dengan memberi kata laluan, nombor Kod Kebenaran Transaksi (TAC) dan maklumat akaun bank miliknya dan ibunya.

Selepas itu, pengadu membuat semakan terhadap akaunnya dan mendapati wang di dalam akaunnya kurang RM6,000, manakala akaun ibunya juga kurang RM4,000.

"Kedua-dua pengadu tampil membuat laporan polis sejurus selepas menyedari mereka ditipu dan kedua-dua kes penipuan itu disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.